

Syarikat Dego Ride diberi tempoh 7 hari

SEPANG - Syarikat perkhidmatan teksi motosikal Dego Ride dibeti masa tujuh hari untuk tampil berbincang dengan Kementerian Pengangkutan berhubung perkhidmatan itu.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tlong Lai berkata, kementerian tetap dengan keputusan mengharamkan perkhidmatan itu berikutan isu keselamatan penumpang.

"Tiada keraguan larangan Dego Ride, ia jelas. Kerajaan dan kementerian buat keputusan mengharamkan perkhidmatan ini kerana ia herbahaya kepada keselamatan penumpang.

"Kementerian arah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) memanggil syarikat tersebut untuk beri penjelasan,' katanya selepas majlis pecah tanah Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara (KL ATCC), semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai permintaan Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Dego Ride, Nabil Feisal Bamadhaj supaya diberi peluang membahaskan isu Perkhidmatan teksi motosikal itu yang dilaksana sejak November tahun lalu. – Bernama

SUMBER : SINAR HARIAN | M/S: 12 | 15 FEBRUARI 2017